

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI B. ZAHARI**  
**[SETIAWANGSA]**  
**TARIKH : 15 JUN 2015**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Ahmad Fauzi Zahari (Setiawangsa)** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah individu yang telah gagal saringan HIV untuk perkahwinan dan daripada jumlah itu berapa banyak yang tetap meneruskan perkahwinan selepas menjalani khidmat kaunseling yang disediakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program saringan HIV Pra Perkahwinan telah dimulakan pada tahun 2001. Ia membolehkan bakal-bakal pengantin mengetahui status HIV diri melalui pengesanan awal. Program ini juga secara tidak langsung dapat mencegah penularan penyakit kepada pasangan yang bakal dikahwini seterusnya kepada anak-anak yang bakal dilahirkan dengan syarat mereka yang telah dijangkiti mengambil langkah-langkah wajar. Disamping itu, mereka yang telah dijangkiti HIV akan diberikan pendidikan kesihatan,

kaunseling, rawatan dan tindakan susulan bagi memastikan kesihatan mereka sentiasa terpelihara.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk tempoh lima tahun kebelakang, bilangan kes HIV yang dikesan melalui saringan ini adalah 146 kes pada tahun 2010, 221 pada tahun 2011, 153 kes pada tahun 2012, 145 kes pada tahun 2013 dan 100 kes pada tahun 2014. Tren (5) tahun bagi statistik saringan HIV pra perkahwinan juga telah menunjukkan penurunan kes HIV positif dikesan daripada 0.07% pada tahun 2010 kepada 0.04% pada tahun 2014. Saringan HIV Pra Perkahwinan ini bertujuan bagi memastikan bakal pengantin mengetahui status HIV mereka, terutamanya di kalangan yang berisiko dijangkiti HIV. Sekiranya didapati dikesan dijangkiti HIV, mereka perlu melaksanakan langkah-langkah wajar untuk menjaga Kesihatan, mendapatkan rawatan dan lebih penting lagi mencegah dari merebakkan virus HIV tersebut. Sebagaimana diketahui, rawatan Anti-Retroviral dapat mengurangkan jangkitan HIV hingga kepada 96%. Oleh itu, bagi yang dikesan dijangkiti HIV, mereka mesti mengambil langkah-langkah wajar tersebut termasuk sesi kaunseling. Untuk 5 tahun kebelakang, daripada yang dikesan dijangkiti HIV, diantara 18% hingga 52% meneruskan perkahwinan tersebut.